

Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan di Daerah Tutong

Berita dan Foto :
Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Isnin, 6 November. - Kementerian Kesihatan akan terus berusaha dalam memberikan khidmat dan kualiti perkhidmatan kesihatan yang tinggi, tepat pada masanya, selamat, kos efektif, efisien dan inovatif sesuai dengan keperluan pada masa ini dan akan datang.

Ia adalah selaras dengan tiga strategi utama Kementerian Kesihatan, iaitu menerapkan bahawa kesihatan adalah

tanggungjawab semua, mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit dan memberikan perkhidmatan cemerlang melalui penyepadan dan pencejajaran perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan demi memberikan nilai tambah kepada para pelanggan ataupun orang awam juga mengurangkan serta menghentikan pembaziran. Perkara tersebut antara yang

dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, selaku Pengerusi pada Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan bersama Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung bagi Daerah Tutong yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Tutong, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya menekankan kepentingan mengukuhkan kerjasama erat dari semua lapisan masyarakat dalam meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan menjaga kesihatan

dan menekankan bahawa kesihatan adalah peranan semua.

Seramai 26 penghulu, pemangku penghulu, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung dari Mukim Pekan Tutong; Mukim Keriam; Mukim Kiudang; Mukim Rambai; Mukim Ukong; Mukim Telisai; Mukim Tanjong Maya dan Mukim Lamunin menghadiri Sesi Muzakarah tersebut yang diketuai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya.

Pengguna Perubatan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Tutong, Dr. Sofian bin DP Haji Johar ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan, Kementerian Kesihatan menyediakan Pusat Kecemerlangan dalam dua bidang, iaitu Bahagian Endoskopi dan Bahagian Katarak yang dijalankan oleh para pakar.

Jelasnya, Pusat Kecemerlangan tersebut juga dilengkapi dengan perubatan dan peralatan yang mencukupi, bukan sahaja untuk pesakit dari daerah Tutong, tetapi juga untuk keempat-empat daerah.

Sesi Muzakarah diadakan untuk mengongsikan perkembangan inisiatif-inisiatif sistem dan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, selaku Pengerusi berucap pada Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan bersama Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung bagi Daerah Tutong yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Tutong.

perkhidmatan penjagaan kesihatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan sejak dua tahun lepas juga untuk mendengarkan isu-isu dan cabaran-cabarannya yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di Daerah Tutong.

Turut hadir pada Sesi Muzakarah tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar) Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan.



PENGHULU-penghulu dan ketua-ketua kampung bagi Daerah Tutong antara yang hadir pada Sesi Muzakarah berkonaen.

UNISSA alu-alukan lebih ramai pelajar Bangladesh



PESURUJAYA Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke negara ini, Tuan Yang Terutama Air Vice Marshal Mahmud Hussain (kiri) membuat kunjungan kepada Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfani bin Haji Zainal.

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 November. - Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke negara ini, Tuan Yang Terutama Air Vice Marshal Mahmud Hussain membuat kunjungan kepada Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfani bin Haji Zainal pada 4 November yang lalu.

Menurut Siaran Akhbar UNISSA, kunjungan tersebut adalah bagi membincangkan ruang kerjasama bidang pendidikan

bersama institusi pengajian tinggi di Republik Rakyat Bangladesh.

Menurut Tuan Yang Terutama, beliau amat tertarik dengan cara kehidupan beragama yang diamalkan di negara ini.

Kemakmuran dan keharmonian di negara ini nampak menyelerah dengan adanya sistem pendidikan yang teratur dan pengembangan agama Islam yang terkawal.

TYT percaya bahawa UNISSA akan terus bergerak mengembangkan reputasinya ke peringkat antarabangsa dan

memainkan peranan penting dalam usaha untuk melahirkan cendekiawan Islam yang tulen.

Dalam kunjungan tersebut, pihak UNISSA mengalu-alukan agar lebih ramai lagi kehadiran warga Bangladesh yang berminat untuk mengikuti kursus pengajian di UNISSA.

Pada masa ini, seramai tiga pelajar dari Bangladesh sedang mengikuti kursus pengajian di UNISSA dalam bidang Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana.

Kunjungan tersebut juga dihadiri oleh Timbalan Rektor UNISSA, Pemangku Penolong Rektor dan Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, UNISSA.

Maklumat dos pengambilan kurang atau lebih ubat boleh memudaratkan pesakit

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 November. - Berikutan penyebaran gambar label bagi sejenis ubat jenama Paracetamol dengan maklumat dos yang tidak tepat yang disebarluaskan melalui aplikasi media sosial WhatsApp baru-baru ini, Kementerian Kesihatan mengambil serius mengenai perkara itu yang mana maklumat dos pengambilan yang kurang atau lebih boleh mendatangkan kemudaratkan kepada pesakit.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, pembekalan ubat-ubatan untuk setiap pesakit adalah melalui beberapa proses penelitian termasuk meneliti maklumat preskripsi yang betul dan teratur menurut dos yang telah ditetapkan oleh Pegawai Perubatan.

Kakitangan Farmasi seterusnya menyemak dos pengambilan ubat dan menerangkan cara memakan dan kekerapan pengambilan ubat-ubatan kepada pesakit. Penyemakan dos ubat-ubatan yang dipreskripsi pada kebiasaannya akan disemak sebanyak tiga ke empat kali sebelum ia diberikan kepada

pesakit. Ini adalah bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan para pesakit.

Oleh yang demikian, perkara seperti yang telah disebarluaskan adalah tidak sepatutnya berlaku.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan sedang menjalankan penyiasatan yang terperinci ke atas perkara tersebut dan memohon kerjasama pesakit yang terbabit untuk menghubungi pihak Kementerian Kesihatan menerusi talian +673 2380485 (pada waktu bekerja) atau Talian Darussalam 123 bagi membantu siasatan. Maklumat peribadi pesakit terbabit akan dirahsiakan.

Kementerian Kesihatan mengalu-alukan sebarang maklum balas dan mengucapkan terima kasih di atas kerjasama orang ramai bagi memastikan perkhidmatan kesihatan sentiasa di tahap yang menepati ekspektasi pelanggan.

Untuk maklumat lanjut dan sebarang maklum balas, orang ramai bolehlah mengunjungi laman sesawang Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Darussalam 123.